

KECELARUAN PERSONALITI ANTISOSIAL DI KALANGAN  
PELAJAR POLITEKNIK: SATU KAJIAN AWAL

ALIFF BIN HJ. AB TAHIR



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



\*3000002103327\*



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS<sup>◊</sup>**

JUDUL: KECELARUAN PERSONALITI ANTISOSIAL DI KALANGAN PELAJAR  
POLITEKNIK: SATU KAJIAN AWAL

SESI PENGAJIAN : 2006/2007

Saya

ALIFF BIN HJ. AB TAHIR (820816-01-5373)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (Sarjana Muda/Sarjana /Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( √ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

NO. 1 JALAN BADIK 7,  
PERUMAHAN AWAM LABIS,  
85300 LABIS,  
JOHOR DARUL TAKZIM.

DR. HJ. BAHAROM BIN MOHAMAD  
(Nama Penyelia)

Tarikh: 27/4/07.

Tarikh: 30/4/07

CATATAN:

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai atau TERHAD.
- ◊ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : DR HAJI BAHAROM BIN MOHAMAD  
Tarikh : 30-04-2007



PTT ALITHM  
PERPUSTAKAAN TEKNIK TIUN AMINAH

KECELARUAN PERSONALITI ANTISOSIAL DI KALANGAN PELAJAR  
POLITEKNIK: SATU KAJIAN AWAL

ALIFF BIN HJ. AB TAHIR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH  
Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia


APRIL, 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan

Nama Penulis

Tarikh



ALIFF BIN HJ. AB TAHIR

27/4/07



PTT ALIFF BIN HJ. AB TAHIR  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Khas buat Ayah; semoga pulih daripada penyakit yang dihadapi (Amin..),*

*Mak yang disayangi,*

*Abang dan Kakak yang dikasihi,*

*Semoga Semuanya Di Rahmati.*



PTT  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah S.W.T serta Selawat dan Salam kepada Junjungan kami Nabi Muhammad S.A.W. kerana diberikan kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak yang banyak membantu, terutama kepada penyelia projek, Dr. Hj. Baharom Bin Mohamad. Beliau adalah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan motivasi dalam menyelesaikan projek sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pihak yang terlibat terutama pensyarah-pensyarah universiti, pihak universiti dan rakan-rakan seperjuangan. Jasa anda tidak akan dilupakan.

Tidak dilupakan kepada pensyarah Politeknik Kota Melaka, Politeknik Merlimau, Politeknik Port Dickson dan Politeknik Johor Bahru terutama Puan Azlina, Puan Rosita dan Puan Rohana. Tidak dilupakan juga Puan Masita, Puan Norkhairilizah dan En. Kahirol. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diberikan.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada ahli keluarga terutama ayah dan mak yang sentiasa mendoakan dan banyak membantu di sepanjang pengajian di UTHM. Diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua.



## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kecelaruan personaliti antisosial (KPA) yang berlaku di kalangan remaja atau muda-mudi terutama di Politeknik Malaysia yang mungkin mengakibatkan berlakunya masalah sosial di kalangan mereka. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Sampel kajian telah dipilih di empat buah politeknik. Politeknik yang terlibat adalah politeknik zon selatan. Responden kajian ini terdiri daripada 340 orang pelajar pengambilan baru semester satu yang memasuki institusi berkenaan. Responden juga terdiri daripada pelajar peringkat sijil dan diploma daripada pelbagai pengkhususan. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Statistik yang digunakan adalah statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan di antara 10 jenis kecelaruan, kecelaruan *avoidant* mencatatkan skor min tertinggi iaitu dengan skor min 3.24 ( $\sigma = 1.055$ ). Selain itu, pengkaji mendapati personaliti antisosial yang berlaku di kalangan pelajar politeknik adalah pada tahap yang sederhana iaitu skor min 2.35 ( $\sigma = 0.933$ ). Hasil daripada kajian juga mendapati faktor sosial mencatatkan skor min tertinggi iaitu 2.07 ( $\sigma = 0.851$ ). Faktor keluarga pula hanya mencatatkan skor min 2.03 ( $\sigma = 0.887$ ). Pengkaji juga mendapati responden lebih gemar kepada konsep keagamaan berbanding konsep-konsep yang lain sekiranya mereka menghadapi masalah. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat memberikan penjelasan sedikit sebanyak mengenai kecelaruan personaliti antisosial yang berlaku di kalangan pelajar politeknik di masa kini.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to define about the antisocial personality disorder (APD) which happens among Malaysian Polytechnic students. This disorder causes social problems among them. This study is a quantitative research, conducted in four selective Polytechnic in south zone. This research involves 340 respondents which are among first semester students. All the respondents selected from multiple levels of education including certificate and diploma. The instrument used in this study is questionnaire. The data is analyzed by using Statistical Package for Social Science (SPSS). Descriptive statistic are used to get the final value of mean, standard division, mode and percentange. From the findings, among 10 types of disorders, avoidant disorders showed the highest mean score with 3.24 ( $\sigma = 1.055$ ), while antisocial disorders was at moderate level with score mean 2.35 ( $\sigma = 0.933$ ). This finding also notes that the social factor contributed highest mean score with 2.07 ( $\sigma = 0.851$ ). While the family factor indicated mean score 2.03 ( $\sigma = 0.887$ ). Researchers also find that most of the respondents tend to use religion concept compared to other concepts when facing the problems. Hopefully this research can give explanation about antisocial personality disorder which happens among the polytechnic students.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Tujuan Kajian	10

1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Jangkaan Dapatan	12
1.8	Kerangka Konsep Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	13
1.10	Skop Kajian	14
1.11	Batasan Kajian	15
1.12	Definisi Operational	15
1.13	Rumusan	16

## **BAB 2      KAJIAN LITERATUR      18**

2.1	Pengenalan	18
2.2	Teori Personaliti	16
2.3	Teori Motivasi	23
2.4	Teori Kecelaruhan Personaliti	25
2.5	Teori Kecelaruhan Personaliti Antisozial	28
2.6	Faktor Berlaku KPA	30
2.7	Hubungan Antara KPA dan Sifat Kejam	32
2.8	Pencegahan dan Rawatan Terhadap Kecelaruhan Personaliti	33
2.9	Rumusan	34

## **BAB 3      METADOLOGI      36**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Prosedur Kajian	37
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	39

3.5	Tempat Kajian	39
3.6	Instrumen Kajian	40
3.7	Kajian Rintis	43
3.7.1	Menilai Kebolehpercayaan	43
3.7.1.1	Analisis Kebolehpercayaan	45
3.7.2	Menilai Kesahan	45
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.9	Kaedah Analisis Data	46
3.10	Rumusan	48

#### **BAB 4 ANALISIS DATA 50**

4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Data dan Dapatan Kajian	51
4.2.1	Analisa Demografi Responden	52
4.2.2	Analisis Kecelaruan Personaliti	53
4.2.3	Analisis Kecelaruan Personaliti Antisocial	62
4.2.4	Analisis Faktor Kebolehan Bersosial	64
4.2.5	Analisis Kaedah Pencegahan Kecelaruan Personaliti Antisocial	67
4.3	Rumusan	69

#### **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 70**

5.1	Pengenalan	70
5.2	Perbincangan	71

5.2.1	Kecelaruan di Kalangan Pelajar	71
5.2.2	Kecelaruan Antisozial di Kalangan Pelajar	77
5.2.3	Faktor Kebolehan Bersosial	79
5.2.4	Kaedah Pencegahan Kecelaruan Personaliti Antisozial	82
5.3	Kesimpulan	83
5.3.1	Kecelaruan Personaliti dan Kecelaruan Personaliti Antisozial	83
5.3.2	Faktor kepada Kecelaruan Personaliti Antisozial	85
5.3.3	Kaedah Pencegahan Kecelaruan Personaliti Antisozial	86
5.4	Cadangan	87
5.4.1	Kementerian Pengajian Tinggi	88
5.4.2	Institusi	89
5.4.3	Pensyarah	89
5.4.4	Pelajar	90
5.4.5	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	90
5.5	Penutup	91
	<b>RUJUKAN</b>	<b>94</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>100</b>



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis-Jenis Kecelaruhan Personaliti DSM-IV	26
3.1	Pernyataan, Item dan Jumlah Soalan Dalam Borang Soal Selidik	41
3.2	Jenis Soalan Dan Nombor Soalan Bagi Pernyataan Analisa Kecelaruhan Personaliti Dalam Borang Soal Selidik	41
3.3	Penggunaan Skala Likert	42
3.4	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	44
3.5	Indeks Kebolehpercayaan bagi Setiap Bahagian dalam Soal Selidik	45
3.6	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	47
4.1	Julat Tahap Skor bagi Kecelaruhan Personaliti, Kecelaruhan Personaliti Antisosial, Faktor Kecelaruhan dan Kaedah Pencegahan Kecelaruhan	51
4.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina, Agama, Peringkat Umur dan Pengalaman Bekerja	52
4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Analisa Kecelaruhan Personaliti	53
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Paranoid</i>	55

4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti <i>Avoidant</i>	56
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Borderline</i>	56
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Schizoid</i>	57
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Schizotypal</i>	58
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis Antisocial (antisocial)	58
4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Histrionic</i>	59
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis Kebergantungan (dependent)	59
4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis Gangguan-paksaan (obsessive-compulsive)	60
4.13	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kecelaruhan Personaliti Jenis <i>Narcissistic</i>	61
4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Ke Semua Bentuk Kecelaruhan Personaliti	61
4.15	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Analisis Kecelaruhan Personaliti Antisocial	62
4.16	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Faktor Kebolehan Bersosial	64
4.17	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Faktor Sosial	65
4.18	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Faktor Keluarga	66
4.19	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Ke Semua Bentuk Faktor kepada Kecelaruhan Personaliti Antisocial	67
4.20	Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Kaedah Pencegahan Kecelaruhan Personaliti Antisocial	68



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep	12
2.1	Dimensi Dua Personaliti Eysenck	22
2.2	Tahap Keperluan Maslow	24
3.1	Rekabentuk Kajian	37
3.2	Prosedur Kajian	38



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

UTHM		Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
KPA	-	Kecelaruhan Personaliti Antisozial
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
APD		<i>Antisocial Personality Disorder</i>



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A	Jadual Penentuan Saiz Sampel	100
LAMPIRAN B	Borang Semakan Soal Selidik	102
LAMPIRAN C	Borang Soal Selidik	109
LAMPIRAN D	Data Kajian Rintis	119
LAMPIRAN E	Data Skor Min	124
LAMPIRAN F	Contoh Salinan Surat Menyurat dan Faks	151

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Di dalam era modenisasi dan globalisasi masa kini, perbincangan tentang personaliti telah diberi perhatian. Pelbagai pandangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh pengkaji mengenai personaliti. Di dalam bidang pendidikan, personaliti telah menjadi pengaruh yang besar kepada pembentukan sahsiah serta akhlak seseorang pelajar itu. Samada seseorang pelajar itu bersahsiah baik atau sebaliknya adalah bergantung kepada personaliti yang dimiliki. Berdasarkan kepada personaliti tersebut juga, ada di antaranya yang telah melakukan salah laku serta perlakuan berunsur negatif. Menurut Santrock (1997), ada di antara pengkaji menyatakan bahawa perlakuan-perlakuan ini dipengaruhi oleh kecelaruan personaliti antisosial.

Menurut Kamus Dewan (2005: 258), kecelaruan membawa maksud kepada perihai bercelaru iaitu bukan keadaan, fikiran dan sebagainya serta keadaan kacau bilau. Personaliti (Kamus Dewan, 2005: 1194) pula dinyatakan sebagai keperibadian atau

perwatakan, manakala antisosial (Kamus Dewan, 2005: 69) membawa maksud tidak suka bergaul dengan orang lain iaitu masyarakat serta bertentangan atau berbahaya kepada peraturan atau adat sesebuah masyarakat.

Berdasarkan pendapat Santrock (1997), dapat dilihat bahawa masalah kecelaruan personaliti antisosial mampu memberikan akibat buruk kepada diri dan orang lain. Sungguhpun pelbagai alasan telah dinyatakan bagi membenarkan perbuatan tersebut, pelajar tidak menyedari tentang apa yang dikatakan kecelaruan personaliti antisosial (KPA). Pelajar juga tidak jelas tentang akibat perbuatan yang dilakukan. Malah, ada di antara pelajar yang mengalami tekanan perasaan yang tinggi, ingin membunuh diri, membunuh rakan-rakan sepengajian dan ada juga yang memohon agar pengajian mereka ditamatkan (Plotnik, 1999).

KPA adalah merupakan suatu perkara yang dramatik atau emosional (tegang) dan salah satu daripada jenis kecelaruan personaliti. Kecelaruan personaliti adalah merupakan sebahagian daripada kecelaruan psikologi yang terbina atau wujud apabila sifat personaliti seseorang itu menjadi tidak stabil dan salah-suai (maladaptive) di dalam diri sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Santrock (1997):

*Personality disorder are psychological disorders that develop when personality traits become inflexible and, thus, maladaptive*

(m.s 464).

Individu yang mempunyai kecelaruan ini kebiasaannya tidak mengetahui dan tidak mengenalpasti samada mereka itu mengalami kecelaruan personaliti ataupun tidak. Pelajar juga tidak mengetahui samada mereka mengalami masalah dan akan menunjukkan sebarang perubahan di dalam jangkamasa tertentu (Plotnik, 1999).

Weissman, (1993) dalam Plotnik (1999), menyatakan sejumlah 12% daripada penduduk Amerika Syarikat iaitu daripada golongan dewasa mengalami kecelaruan personaliti, tetapi KPA ini dikatakan banyak berlaku di kalangan remaja dan orang muda (Santrock, 1997 dan Coon, 2004). Kazdin (1993) dalam Walker, Ramsey dan Gresham (1995) mendapati di antara 4 hingga 5 juta kanak-kanak dan remaja sekolah dikenali pasti mengalami KPA dan didapati bilangan tersebut semakin bertambah. Kazdin (1993) dalam Walker, Ramsey dan Gresham (1995) juga menyatakan di antara 2% hingga 6% populasi kanak-kanak dan remaja Amerika Syarikat mengalami KPA. Kecelaruan ini berlaku pada awal usia 15 tahun dan berterusan sehingga mencecah usia dewasa (Santrock, 1997 dan Coon, 2004).

Sekiranya dilihat pada kajian yang telah dilakukan oleh Cote dan Hodgins (1990), dalam Rasmussen, Storsaeter dan Levander (1999) KPA adalah merupakan sesuatu yang membimbangkan dan boleh menjejaskan keadaan masyarakat terutama para remaja yang bergelar pelajar. Ini dibuktikan dengan kajian yang telah dilakukan mereka terhadap penghuni penjara *Norwegian* di Amerika Syarikat. Menerusi kajian itu mereka mendapati 62% adalah mengalami kecelaruan personaliti antisosial, 67% mengalami kecelaruan penyalahgunaan alkohol dan 49% pula mengalami kecelaruan penyalahgunaan dadah. Laporan kajian Teplin (1994) di dalam Rasmussen, Storsaeter dan Levander (1999) menerusi kajiannya yang dilakukan di Amerika Syarikat mendapati 49% adalah mengalami KPA, 51% kecelaruan penyalahgunaan alkohol dan 32% mengalami kecelaruan penyalahgunaan dadah:

*.....49% for antisocial personality disorder (APD), 51% for alcohol abuse/dependence, and 32% for drug abuse/dependence.*

(Teplin, 1994, dalam Rasmussen, Storsaeter dan Levander, 1999: 1)

Di Malaysia, kes adik Muhd Afiq Qusyairi Baharuddin yang dibuli dan dibelasah oleh pelajar senior di Sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Kuala Lipis, telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk kementerian dan kerajaan. Masalah tersebut pula masih lagi berleluasa sehinggalah kini (Novandri Hasan, 2003). Maka bermacam-macam persoalan yang telah timbul yang semuanya memerlukan penyelesaian yang konkrit dan segera. Novandri (2003) telah menyatakan Patterson *et. al.* (1989) telah menjelaskan bahawa anak-anak yang bermasalah selalunya tinggal di dalam keluarga yang mempunyai latarbelakang tingkah laku antisosial dan menentang. Keluarga ini selalunya mempunyai persekitaran paksaan di mana anak-anak berinteraksi dengan ibu bapa dan sesama sendiri dengan menggunakan kekerasan ataupun dengan teknik-teknik antisosial yang lain. Tekanan yang berterusan ini akan mengakibatkan anak-anak ini, secara tidak langsung, terpaksa mempelajari teknik-teknik tersebut untuk terus hidup di dalam keluarga mereka dan seterusnya memperkenalkan sikap tersebut di dalam masyarakat. Maka bermulalah peristiwa membakar sekolah, peras ugut, gengsterisme, pergaduhan dan sebagainya (Novandri Hasan, 2003).

Nasrudin (2007), menyatakan bahawa sebanyak 30 kes pembunuhan yang melibatkan remaja sebagai pelaku telah diindeks oleh mahkamah dalam tempoh tahun 1990 hingga 1992. Manakala bagi tempoh antara tahun 1981 hingga 1991 pula, sebanyak 340 kesalahan serangan seksual telah disabitkan terhadap remaja. Perkembangan mutakhir yang mengejutkan masyarakat masa kini adalah laporan bahawa semakin ramai pelajar sekolah rendah dan menengah di negara ini yang disyaki terlibat dalam apa yang diungkapkan oleh banyak media akhir-akhir ini sebagai gengsterisme. Oleh itu dari perspektif kerajaan, permasalahan remaja ini sememangnya dijadikan agenda penting terutamanya oleh Kementerian Belia dan Sukan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Salleh Buang (1997) berdasarkan kepada kes Lorina Bobbit. Beliau melaporkan bahawa Lorina telah bertindak memotong zakar suaminya setelah beliau didera oleh suaminya, kerana merasa terlalu marah, hilang sabar dan didorong oleh perasaan mendadak yang tidak terkawal. Pada tahun 1996, berpandukan satu kajian di England, pembunuhan di antara pasangan suami isteri memuncak hingga pada kadar 23% dan selalunya yang menjadi mangsa pembunuhan adalah isteri.

Di Malaysia pula, berasaskan perangkaan sepanjang tahun 1989, lebih sejuta wanita didera oleh pasangan hidup (suami atau kekasih). Perangkaan ini dipetik daripada Utusan Malaysia, 10 Jun 1992 di dalam penulisan Salleh Buang (1997). Selain itu Salleh Buang (1997) juga mendapati di Malaysia, di antara 1990 hingga 1992, lebih 37600 orang awam yang ditahan adalah kerana melakukan jenayah harta benda dengan kekerasan. Seramai 3450 orang atau 9.17% pula terdiri daripada para remaja. Daripada sejumlah 3450 yang tersebut, sejumlah 507 remaja atau 14.7% telah melakukan pelbagai jenayah kekerasan seperti membunuh, menyamun, merogol dan mencederakan orang lain. Kenyataan yang dikemukakan adalah berdasarkan kenyataan yang telah dibuat oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Ibu Pejabat Polis Bukit Aman juga menyatakan di sepanjang tahun 1990 hingga 1992, terdapat kira-kira 22912 penagih dadah telah dikenalpasti dan daripada jumlah tersebut, seramai 2856 orang atau 12.46% adalah terdiri daripada remaja.

Sekiranya dilihat pada perangkaan atau statistik terkini yang telah dikemukakan oleh Polis Diraja Malaysia dari Januari hingga Mac 2006 pula, didapati kes cabul kehormatan adalah sebanyak 478, rogol sebanyak 586, samun berkawan tanpa senjata api sebanyak 662, pemerasan 436, curi dan pecah rumah iaitu melibatkan jenayah harta benda sebanyak 36960 kes, dan jenayah narkotik iaitu melibatkan mengedar dan



memiliki dadah adalah sebanyak 5215 kes. Walaupun tidak dapat dipastikan bahawa segala bentuk kes tersebut adalah melibatkan remaja dan kaitannya dengan KPA, tetapi ia masih menjadi satu isu yang hangat diperkatakan samada diperingkat kerajaan ataupun masyarakat.

Menerusi sorotan daripada Bernama (2004) pula, Bernama menyatakan terdapat pelajar yang telah ditahan di bawah Ordinan Darurat 1969 selama dua tahun kerana didakwa terlibat dengan kumpulan gengsterisme. Bernama juga menyatakan bahawa berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejumlah 407 pelajar didapati telah terbabit di dalam jenayah gengsterisme dan 23 pelajar lagi terbabit dalam jenayah peras ugut iaitu antara tahun 2000 dan 2003. Selain itu, Bernama juga menyatakan bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah melaporkan antara jenayah yang dilakukan oleh pelajar adalah jenayah bunuh, rompak, rogol, pecah rumah, mencuri, menggunakan kekerasan, cabul dan menerima harta curi iaitu sebanyak 1502 kes pada tahun 2000, 1324 kes pada tahun 2001, 1136 kes pada tahun 2002 dan 1429 kes pada tahun 2003.

Sekiranya dilihat laporan Bernama pada 17 Oktober 2006 pula, dua orang pelajar politeknik di sebuah negeri telah ditahan kerana terlibat dalam insiden serangan 'Mat Rempit' di Balai Polis Kubang Semang di Bukit Mertajam. Insiden tersebut telah dilaporkan menerusi kenyataan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan Selasa. Kejadian tersebut dianggap serius kerana melampau dan tidak menghormati undang-undang negara. Malah insiden tersebut juga dinyatakan sebagai membahayakan nyawa anggota polis yang bertugas. 'Mat Rempit' tersebut dilaporkan telah bertindak ganas dengan membaling batu ke arah polis dan balai polis terbabit, kerana membantah penahanan dua rakan mereka yang dipercayai terbabit dalam perlumbaan haram. Pelajar yang terlibat adalah berusia 19 dan 20 tahun.

Berita Harian pada 8 Januari 2006 pula melaporkan bahawa seorang pelajar sebuah politeknik telah ditahan polis kerana didapati mencuri motosikal. Kegiatan tersebut dilakukan kerana atas dasar kesempitan wang dan untuk menanggung perbelanjaan pengajian. Pelajar lelaki tersebut adalah berusia 19 tahun dan dalam jurusan kejuruteraan mekanikal. Pelajar tersebut dikatakan sanggup menjual bahagian enjin motosikal yang dicurinya dengan harga murah, iaitu RM190 sebuah. Anak kepada seorang pensyarah di sebuah maktab perguruan di Perlis itu telah ditahan polis ketika dalam perjalanan ke Taman Suria di Jitra untuk menjual sebuah enjin motosikal kepada pelanggannya. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Daerah Kubang Pasu, Asisten Superintendan Shaik Osman Abdul Hamid pula mengesahkan kejadian tersebut. Kes tersebut telah disiasat mengikut Seksyen 379 (a) Kanun Keseksaan kerana mencuri.

Berdasarkan daripada sorotan-sorotan, perangkaan dan kajian yang telah dilakukan di atas, didapati banyak gejala yang telah berlaku termasuk gejala salahlaku yang memberikan kesan kepada masyarakat dunia. Lebih membimbangkan lagi, ia berkaitan dengan kecelaruan personaliti yang berlaku di kalangan masyarakat Malaysia terutama para remaja termasuklah pelajar politeknik. Pelbagai kes yang telah berlaku samada yang melibatkan bahaya diri atau bahaya terhadap masyarakat sekeliling. Kes-kes tersebut antaranya termasuklah kes-kes sebagaimana disebutkan sebelum ini seperti mencuri dan mencederakan orang lain. Oleh yang demikian sewajarnya satu kajian dilakukan yang berkaitan dengan salahlaku dan KPA ini agar beberapa langkah awalan dapat dilakukan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang telah dilakukan di Amerika Syarikat, mendapati kecelaruan personaliti antisosial (KPA) meningkat seiring dengan peningkatan risiko sifat kejam di kalangan orang dewasa. Hanya sedikit diketahui mengenai perhubungan di antara KPA remaja terutama pelajar dan sifat kekejaman di dalam tempoh remaja dan awal dewasa. Gabungan di antara KPA dengan tindakan kejam adalah menjadi satu isu di kalangan pengkaji kerana kecenderungan kajian terhadap karakter atau sifat KPA. Menurut Johnson *et. al.* (2000), kajian juga mendapati terdapat isu lain iaitu kesukaran di dalam perhubungan interpersonal, termasuk konflik interpersonal iaitu hubungannya di dalam pembangunan sifat kejam di kalangan pelajar remaja. Kajian yang lepas juga mendapati kecelaruan personaliti selalunya terjadi bersama dengan sifat kejam bagi klinikal dewasa dan populasi forensik. Selain itu, menurut (Johnson, *et. al.*, 2000) didapati juga faktor psikologikal berkait rapat dengan kecelaruan personaliti seperti marah dan kecewa. Masalah yang sama juga berlaku di Malaysia.

Menerusi laporan Parlimen yang ke-11 pada 29 Mac 2005 pula dinyatakan bahawa masalah sosial kini menjadi suatu isu yang sedang giat diperkatakan terutama yang melibatkan kegiatan antisosial. Golongan yang terlibat pula kebanyakannya adalah golongan remaja. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berusaha mengatasi masalah tersebut menerusi beberapa perancangan iaitu melalui program dan aktiviti tertentu. Bagaimanapun, tindakan di peringkat akar umbi masih lagi tidak dilakukan. Permasalahan ini menunjukkan bahawa kesedaran melalui sudut psikologi masih lagi tidak jelas terutama yang melibatkan kecelaruan personaliti antisosial yang berlaku di kalangan pelajar remaja.

Laporan akhir kajian profil psikologi dan tingkahlaku remaja yang bertajuk Analisis Psikologi & Tingkahlaku Remaja yang telah dilaporkan oleh Dr Khaidzir

Ismail, pensyarah psikologi kanak-kanak dan remaja, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kepada Institut Perkembangan Minda (INMIND) pula menunjukkan responden yang bercakap bohong adalah 90.5%, melepak, 80.1%, ponteng sekolah, 74.1% dan lewat ke sekolah, 73.7%. Empat perlakuan tersebut adalah empat perlakuan antisosial responden tertinggi yang mencatatkan peratusan di atas paras 70%. Sejumlah tiga peratus responden pula mengaku mengadakan hubungan seks sebelum berkahwin (Norizan, 2007). Selain terbabit dalam hubungan seks, kajian itu mendapati 98% daripada mereka mengaku mengambil dadah, terbabit dalam kongsi gelap (98%), bahan lucuk (97.3%), berjudi (96.8%), vandalisme (85.4%) dan ponteng sekolah (77.2%). Kajian tersebut adalah terdiri daripada 887 orang pelajar perempuan sekolah menengah di sebuah negeri. Menurut Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Darul Islah (Perkid), Masridzi Sat, gejala sosial tersebut adalah di peringkat kritikal dan berada pada tahap membimbangkan (Yusry, 2007). Pada tahun lalu pula, jumlah pelajar yang melakukan kesalahan jenayah membabitkan 1,436 kes berbanding 1,229 kes tahun sebelumnya. Bagi tempoh sama tahun lalu, 4,414 kes pelajar melakukan kesalahan juvana direkodkan berbanding 3,088 kes sepanjang 2005 (Yusry, 2007).

Berpandukan dapatan kajian Nor Adibah (2005) iaitu terhadap tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi, beliau menyatakan bahawa konstruk pengurusan emosi adalah pada tahap peratusan yang rendah iaitu hanya 64.9% sahaja. Beliau menyatakan bahawa konstruk tersebut adalah pada tahap yang membimbangkan sekiranya dibandingkan dengan konstruk yang lain iaitu kawalan diri, motivasi diri dan kemahiran sosial. Ini menunjukkan bahawa pelajar hanya dapat menguruskan emosi pada tahap yang rendah dan sekiranya dikaitkan dengan kenyataan Ciarrochi *et. al* (2000) dalam Nor Adibah (2005), tahap kecerdasan emosi yang rendah akan menjadi punca kepada empati rendah dan kawalan emosi yang rendah. Empati rendah dan kawalan emosi yang rendah ini pula akan menjadi punca kepada tekanan, kemurungan, gejala neorosis (Dawda dan Hert, 2000 dalam Nor Adibah, 2005) dan seterusnya menjadi penyebab kepada salah laku seperti salah laku seks (Tidmorsh *et. al.*, 2001 dalam Nor Adibah, 2005). Oleh itu

dapat dilihat bahawa sifat yang terkandung di dalam pernyataan Dawda, Hert dan Tidmorsh *et. al.*, adalah amat berkait rapat dengan sifat yang terkandung di dalam KPA sebagaimana di dalam teori KPA.

Maka pengkaji berpendapat satu kajian yang lebih menjurus kepada kecelaruan antisosial iaitu satu kajian awal, perlu dilakukan terhadap remaja bagi melihat masalah sebenar yang berlaku. Oleh yang demikian satu kajian perlu dilakukan di kalangan pelajar remaja di Malaysia bagi mengetahui perkara yang berkaitan dengan fenomena KPA yang berlaku di kalangan mereka. Di dalam kajian ini pengkaji berminat melakukan kajian tersebut pada peringkat institusi pengajian iaitu melibatkan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian ini juga perlu dilakukan bagi mengenalpasti beberapa kemungkinan yang mungkin telah menyebabkan berlakunya masalah sosial yang kini semakin menular di kalangan pelajar remaja di Malaysia seperti jenayah rogol, vandalisme dan pergaduhan di kalangan pelajar.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kecelaruan personaliti antisosial (KPA) yang berlaku di kalangan remaja atau muda-mudi di Malaysia yang mungkin mengakibatkan berlakunya masalah sosial di kalangan mereka.

### 1.5 Objektif Kajian.

Bagi melakukan kajian ini, beberapa objektif telah disenaraikan bagi mencapai objektif kajian. Objektif tersebut adalah:

- i. Mengenalpasti kecelaruan yang berlaku di kalangan remaja di Politeknik
- ii. Mengenalpasti faktor yang membawa kepada KPA di kalangan pelajar Politeknik
- iii. Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh pelajar bagi mencegah KPA

### 1.6 Persoalan Kajian


Di bawah ini telah disenaraikan beberapa soalan kajian bagi mencapai objektif kajian. Soalan-soalan tersebut adalah sebagaimana yang disenaraikan di bawah.

- i. Apakah bentuk kecelaruan yang dialami oleh remaja di Politeknik?
- ii. Apakah faktor yang membawa kepada KPA di kalangan pelajar Politeknik?
- iii. Bagaimana kaedah pelajar politeknik mencegah KPA?

## 1.7 Jangkaan Dapatan

Menerusi kajian ini, dijangkakan sejumlah besar pelajar politeknik yang terlibat akan mengalami simpton KPA. Kebanyakan daripada mereka pula adalah lelaki kerana menurut teori, mereka yang mengalami simpton ini kebanyakannya adalah lelaki serta berumur di dalam lingkungan 18 hingga 19 tahun. Sekiranya dilihat dari kaedah pencegahan, konsep keagamaan adalah lebih sesuai kerana pelajar yang terlibat adalah mempunyai agama dan majoriti daripadanya adalah beragama Islam dan konsep agama Islam adalah lebih fleksibel yang merangkumi semua aspek.

## 1.8 Kerangka Konsep



Rajah 1.1: Kerangka Konsep

Berpandukan Rajah 1.1 di atas, kerangka konsep adalah terdiri daripada pelajar, kecelaruan personaliti, KPA, faktor berlaku KPA, kaedah mencegah KPA dan rawatan terhadap KPA samada rawatan Islam atau moden. Pelajar akan dipastikan apakah jenis kecelaruan personaliti yang mereka alami serta dipastikan samada mereka mengalami KPA atau tidak. Bagi memastikan jenis kecelaruan personaliti yang dialami oleh pelajar maka pengkaji akan merujuk pada teori kecelaruan personaliti manakala bagi memastikan pelajar mengalami KPA atau tidak maka akan dirujuk kepada teori KPA. Gejala KPA yang diberi tumpuan antaranya adalah gejala pergaduhan, vandalisme dan lumba haram. Faktor berlaku KPA pula akan melibatkan faktor sosial dan keluarga sahaja. Di antara kedua faktor ini, akan dipastikan yang manakah antara faktor tersebut yang menjadi faktor utama berlakunya KPA. Oleh itu, untuk memastikan faktor manakah yang menjadi faktor utama, maka teori faktor berlaku KPA akan dirujuk. Seterusnya, adalah kaedah mencegah KPA. Pengkaji akan melihat bagaimana responden cuba mencegah gejala tersebut seperti dengan beriadah bersama keluarga, bersukan atau sebagainya. Sebagai sampingan pengkaji juga akan melihat jenis rawatan yang dipilih oleh responden samada berbentuk keagamaan (Islam) atau moden untuk mencegah kecelaruan tersebut.

### **1.9 Kepentingan Kajian**

Didapati kajian ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu kepentingan terhadap pihak institusi, pihak pengajar atau pensyarah dan juga pelajar. Melalui kajian ini pihak institusi dapat mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar mereka iaitu yang berkaitan dengan KPA. Secara rasional, kebanyakan pelajar berasa malu untuk kemukakan masalah yang dihadapi kepada pihak kaunseling dan hanya suka berahsia tanpa diketahui oleh orang lain. Maka menerusi kajian ini pihak institusi boleh



mengatur program yang berkaitan seperti program kebajikan yang lebih komprehensif kepada pelajar samada pelajar yang mengalami KPA atau tidak.

Bagi pihak pensyarah pula, mereka boleh mengenalpasti keadaan KPA yang dialami di kalangan pelajar mereka supaya mereka dapat memotivasikan pelajar yang terbabit seperti memberikan sokongan dan kata-kata nasihat serta perangsang kepada pelajar. Pensyarah juga boleh memberikan dorongan kepada pelajar yang terbabit dari segi kewangan, bantuan pelajaran dan bahan pembelajaran. Kajian ini juga akan memberikan kemudahan terutama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan.

Kepada pelajar pula, kajian ini adalah merupakan satu usaha bagi menyingkap punca permasalahan berkenaan KPA supaya usaha yang berkesan dapat dilakukan dan proses mencegahnya dapat dipraktikkan. Selain itu pelajar juga dapat mencari dan memilih inisiatif yang sesuai untuk memperbaiki diri.

### **1.10 Skop Kajian**

Bagi memudahkan kajian dilakukan maka kajian ini telah diskopkan kepada beberapa perkara iaitu kajian akan dilakukan ke atas remaja iaitu di kalangan pelajar politeknik. Seterusnya, responden yang dilibatkan adalah di kalangan pelajar politeknik. Responden juga adalah terdiri daripada pelajar tahun satu semester satu dari pelbagai jurusan. Selain itu kajian ini tertumpu kepada jenis kecelaruan personaliti antisosial (KPA) sahaja dan faktor berlaku KPA pula akan tertumpu kepada faktor sosial dan keluarga.

### 1.11 Batasan Kajian

Berpandukan kepada skop kajian maka batasan kajian dilakukan bagi mengkhususkan kajian yang dilakukan iaitu kajian dilakukan ke atas pelajar politeknik. Pelajar yang terpilih adalah pelajar yang di dalam usia remaja dan awal dewasa. Selain itu sejumlah responden akan dilibatkan iaitu daripada kalangan pelajar politeknik bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Seterusnya kajian hanya dilakukan ke atas kecelaruan personaliti antisosial yang berlaku di kalangan pelajar sahaja agar kajian tidak terpesong daripada skop kajian.

### 1.12 Definisi Operational

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah. Istilah-istilah tersebut dinyatakan dan telah didefinisikan sebagaimana di bawah iaitu:

- i. Kecelaruan personaliti  
Sebahagian daripada kecelaruan psikologi yang terbina atau wujud apabila sifat personaliti seseorang itu menjadi tidak stabil dan salah-suai di dalam diri
- ii. Kecelaruan personaliti antisosial  
Terorong, tidak berperasaan dan tidak menghiraukan orang lain serta kurang menghormati norma masyarakat.
- iii. Psikologikal  
Perkara yang melibatkan psikologi atau pemikiran dan tingkahlaku manusia

- iv. Dramatik  
Keadaan suka berdrama atau berpura-pura
- v. Emotional  
Keadaan yang terlalu beremosi atau keadaan tegang
- vi. Empati (empathy)  
Kesukaran untuk meletakkan diri sendiri dalam kedudukan orang lain

### 1.13 Rumusan

Sebagaimana yang diketahui, gejala sosial kini menjadi suatu isu yang membimbangkan samada di peringkat masyarakat atau kerajaan. Gejala sosial juga mengakibatkan berlakunya salah laku terutama di kalangan pelajar remaja dan salah laku tersebut seringkali dikaitkan dengan KPA. KPA adalah merupakan suatu perkara yang dramatik atau emosional (tegang) dan salah satu daripada jenis kecelaruan personaliti. Kecelaruan personaliti ini pula wujud apabila sifat personaliti seseorang itu menjadi tidak stabil dan salah-suai. Maka keadaan ini akan mewujudkan berlakunya kes jenayah seperti rogol, bunuh dan sebagainya. Kes-kes tersebut juga seringkali melibatkan remaja yang masih di alam persekolahan iaitu pelajar. Oleh itu dapat dinyatakan wujud masalah KPA di kalangan pelajar dan sekiranya dirujuk kepada dapatan pengkaji sebelum ini, didapati masalah tersebut juga turut berlaku di kalangan pelajar politeknik.

Oleh yang demikian, wajar satu kajian dijalankan iaitu kajian terhadap kecelaruan personaliti antisosial (KPA) di kalangan pelajar politeknik agar dapat dijadikan satu sumbangan kepada pihak pensyarah, institusi dan sebagainya seterusnya

membuka lembaran baharu terhadap kajian tempatan. Kajian tersebut pula akan merangkumi beberapa objektif, persoalan, skop, batasan, kepentingan, satu kerangka konsep dan definisi istilah.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji awal bagi mengetahui tentang kecelaruan personaliti antisosial (KPA) ini, termasuklah bahagian-bahagian atau jenis-jenis kecelaruan, sebab berlakunya kecelaruan tersebut dan tindakan atau rawatan yang dilakukan bagi mengatasi masalah yang dialami. Islam juga mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai KPA ini dan menyatakan beberapa kaedah yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah yang berlaku. Di dalam kajian literatur ini, beberapa teori dan penemuan kajian sains psikologi dan sains Islam akan dikemukakan bagi menyokong kajian ini. Kaedah pencegahan serta rawatan yang berkaitan juga dinyatakan bagi memperkukuhkan lagi kajian yang dilakukan.

## 2.2 Teori Personaliti

Berpandukan penulisan Ee Ah Meng (1998), personaliti adalah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Personaliti juga dinyatakan sebagai punca dasar sifat dan pengalaman seseorang (Cloninger, 2000) sebagaimana kenyataan di bawah:

*Personality may be defined as the underlying causes within the person of individual behavior and experimence*

(m.s 3)

Personaliti tersebut adalah merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Ee Ah Meng (1998) juga menyatakan bahawa personaliti seseorang itu dibayangkan oleh tendensinya untuk bertingkh laku mengikut suatu cara tertentu. Kenyataan yang serupa juga telah dinyatakan oleh Westen (2002) iaitu personaliti merujuk kepada pengekaln corak terhadap kepercayaan, perasaan, motivasi dan sikap yang ditonjolkan dalam keadaan yang berbeza-beza.

Pervin (1996) dalam Che Mah Yusof dan Mariani Md. Nor (2006: 34) pula dinyatakan sebagai:

*Personality is the complex organization of cognition, affects, and behaviors that gives direction and pattern (coherence) to the person's life. Like the body, personality consists of both structures and processes and reflects both nature (genes) and nurture (experience). In addition, personality includes the effects of the past, including memories of the past, as well as constructions of the present and future*

Selain itu personaliti juga ditakrifkan sebagai corak keseluruhan seseorang yang merangkumi cara berfikir, berperasaan, bertingklaku dan cara berhubung dengan alam sekitar (Kagan, J. dan Segal, J., 1988, dalam Ee Ah Meng, 1998). Menurut Ee Ah Meng, Eysenck telah menyatakan bahawa personaliti adalah merupakan organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan yang agak stabil dan yang menentukan penyesuaian yang unik terhadap persekitaran. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa Allport telah menerangkan personaliti adalah sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal pada seseorang individu untuk menentukan tingklaku dan fikirannya yang khusus. Organisasi membawa implikasi kepada sifat seperti kerajinan dan kesabaran adalah berkait rapat. Dinamik pula adalah perubahan yang boleh berlaku di dalam kualiti tingklaku seseorang. Sistem psikofizikal pula merujuk kepada tabiat, sikap, nilai, kepercayaan, kebiasaan, emosi dan sentimen yang terdapat dalam bentuk psikologi tetapi mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf dan tubuh badan.

Huraian personaliti boleh dilihat melalui tiga aspek iaitu jenis, ciri dan faktor (Cloninger, 2000). Melalui jenis, personaliti dijadikan kepada kategori bilangan yang kecil. Jenis telah mengkategorikan manusia dengan perwatakan tertentu. Bilangan jenis adalah "semua atau tiada" benda (satu variabel kualitatif). Seseorang hanya boleh memasuki satu dan hanya satu ketegori sahaja. Secara teorinya bilangan jenis yang kecil mewakili setiap orang dan seseorang hanya tetap untuk satu jenis sahaja. Ciri pula membezakan karakter atau watak seseorang dengan seseorang yang lain dan menyebabkan seseorang itu untuk memiliki konsistensi yang lebih atau kurang. Ciri biasanya digunakan untuk menghuraikan personaliti dan ramai ahli psikologi menyatakan ciri ini banyak kegunaannya. Ciri merupakan skor variabel yang berterusan (kuantitatif). Secara teorinya terdapat banyak ciri untuk menghuraikan seseorang. Maka setiap orang boleh dihuraikan untuk setiap ciri. Selain itu faktor skor variabel juga adalah berterusan (kuantitatif). Setiap orang memberikan skor berbentuk nombor untuk menunjukkan berapa banyak faktor yang dimiliki. Secara teorinya, bilangan faktor yang kecil menghuraikan setiap orang. Maka setiap orang boleh dihuraikan untuk setiap faktor.


Menurut Allen (2000) pula, definisi personaliti dibahagikan kepada tiga aspek iaitu perbezaan individu, dimensi tingkah laku dan ciri-ciri. Perbezaan individu merujuk kepada pemerhatian terhadap perbezaan manusia menerusi pelbagai cara. Di dalam kajian terhadap personaliti, perbezaan yang penting adalah melibatkan ciri-ciri personaliti, yang merujuk kepada karakter psikologikal yang sentiasa bertindak kepada kata sifat seperti pemalu, baik, bermakna dan sebagainya. Setiap ciri tersebut bertindakbalas yang akhirnya menuju kepada dimensi tingkahlaku iaitu sentiasa berterusan dengan analogi tingkahlaku sehingga kepada satu sekatan.

Menurut Ee Ah Meng (1998), Carl Jung telah mengklasifikasikan personaliti individu kepada tiga kumpulan yang besar iaitu ekstrovert, introvert dan ambivert. Individu yang mempunyai personaliti ekstrovert biasanya menonjolkan ciri-ciri seperti gemar kepada keseronokan, suka bercampur gaul, aktif dan ligat, inovatif atau gemar kepada perubahan, gemar aktiviti-aktiviti luar, mudah berkomunikasi, cepat bertindakbalas, tidak mudah bimbang dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Individu yang mengalami personaliti introvert pula menonjolkan ciri-ciri seperti pasif, gemar berseorangan, pemalu, sensitif, cermat, sentiasa berfikir sebelum melakukan sesuatu, boleh dipercayai, tenang, tingkahlaku yang terkawal dan kurang bersedia untuk menanggung risiko. Personaliti ambivert pula dinyatakan satu kumpulan yang sukar digolongkan kepada mana-mana kumpulan iaitu samada ekstrovert atau introvert. Kumpulan ambivert ini dikatakan mempunyai sifat sebagai seorang ekstrovert dan juga introvert.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa Hans Eysenck telah mengklasifikasikan personaliti kepada dua kumpulan iaitu ekstrovertsi-introvertsi dan kestabilan-ketidakstabilan. Seorang ekstrovert adalah aktif, gemar bercampur gaul, optimistik dan sebagainya. Introvert pula adalah bersifat pasif, pendiam, berwaspada, pesimistik dan sebagainya. Seorang yang stabil pula mempunyai ciri-ciri kepimpinan, tidak cepat marah, tidak cepat bimbang, tenang dan terkawal. Seorang yang tidak stabil



pula bersifat muram, sensitif, cemas dan gelisah. Kedua-dua bahagian personaliti Eysenck iaitu ekstrovert-introvert dan kestabilan-ketidakstabilan boleh dilihat dan difahami menerusi Rajah 2.1. Berpandukan Rajah 2.1, boleh dilihat sifat-sifat yang terkandung di dalam kedua-dua kumpulan tersebut.



Rajah 2.1: Dimensi Dua Personaliti Eysenck (Ee Ah Meng, 1998)

Sekiranya menurut Cloninger (2000), Jung menyatakan terdapat tiga dimensi utama personaliti. Ia adalah introvert dan extravert, pemikiran dan perasaan serta sensasi dan gerak hati (intuition). Orientasi terhadap introvert dan extravert ini adalah berbeza pada dasarnya di mana setiap satu iaitu antara introvert atau extravert tidak memahami antara satu sama lain. Extravert tidak menyedari sifat dinamik dalamannya sendiri, malah menyatakan bahawa introvert terlalu egoistik dan tidak bermaya. Introvert dinyatakan sebagai kurang kebimbangan terhadap orang lain, berbanding extravert yang lebih tidak jujur dan tidak mendalam. Jung juga mempercayai introvert dan extravert ini terlalu berbeza sehinggakan keduanya tidak boleh rapat dalam jangka masa panjang. Pemikiran dan perasaan pula adalah merupakan jalan alternatif

untuk membuat pemilihan atau penentuan. Jika seseorang itu ingin membina kesihatan yang baik, individu tersebut sepatutnya membina keseimbangan di antara pemikiran dan perasaan. Sebagai contoh sekiranya seorang pemuda membuat keputusan dengan menggunakan emosi sepatutnya juga berfikiran secara logik dan belajar memberikan perhatian pada perasaan.

Sensasi dan gerak hati pula adalah cara saling melengkapi untuk mendapatkan informasi tentang dunia. Jenis sensasi ini memberikan perhatian untuk memberikan perincian dan pengetahuan tentang sesuatu melalui lima deria iaitu melalui penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa dan bau. Gerak hati pula adalah merupakan satu proses yang membolehkan seseorang membuat agakan yang tepat tanpa mengenalpasti jawapan yang betul melalui tulisan (Cloninger, 2000).




### 2.3

### Teori Motivasi

Motivasi adalah merupakan konsep yang masih menjadi perdebatan tanpa ada persetujuan untuk satu definasi yang sebenar (Law dan Glover, 2000, dalam Jones, 2005). Pendekatan alternatif untuk motivasi telah diperkenalkan oleh Abraham Maslow pada tahun 1962 dan 1970 (Westen, 2002, Blocher, 2000 dan Jones, 2005). Maslow telah memperkenalkan satu konsep iaitu tahap keperluan Maslow. Tahap keperluan tersebut merangkumi tahap keperluan asas, bermula dengan asas meneruskan kehidupan (Westen, 2002, Blocher, 2000, Jones, 2005 dan Siccone dan McCarty, 2001). Maslow menyatakan tahap ini perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum kepada keperluan tahap yang seterusnya. Tahap asas ini dinyatakan sebagai keperluan psikologikal. Contohnya adalah keperluan kepada makanan sekiranya kelaparan dan minuman sekiranya merasa dahaga. Tahap yang seterusnya adalah tahap untuk selamat, iaitu memerlukan

keselamatan dan perlindungan. Contoh yang boleh diberikan adalah keperluan kepada rumah untuk berlindung dan duit atau sumber kewangan untuk memastikan keselamatan adalah terjamin. Seterusnya adalah keperluan kasih sayang dan dihargai. Pada tahap ini, manusia bermotivasi untuk rapat dan menjalin hubungan dengan individu yang lain bagi memenuhi keperluan dirinya.

Tahap seterusnya adalah tahap keperluan kepada sanjungan. Pada peringkat ini, manusia bermotivasi untuk mendapat sanjungan atau penghormatan daripada masyarakat atau diri sendiri. Peringkat keperluan yang tertinggi adalah peringkat keperluan semasa untuk diri sendiri. Peringkat ini adalah berkaitan dengan potensi diri. Ia juga dinyatakan sebagai keperluan untuk perkembangan seperti kelebihan dan kemahiran diri. Rajah 2.2 telah disenaraikan setiap tahap keperluan tersebut dengan contoh yang sesuai.



**Rajah 2.2: Tahap Keperluan Maslow**

## RUJUKAN

Allen, B. P. ( 2000). *Personality Theories: Development, Growth, and Diversity*. United States of America: Allyn and Bacon. 1-17.

Basheer Ahmed (1999). *Islamic Values And Ethics In Prevention And Treatment of Emotional Disorders*. Dirujuk pada Mac 23, 2006, daripada <http://www.islamset.com>.

Bernamea (2004). *Pelajar Di Tahan Di Bawah Ordinan Darurat*. Dirujuk pada Oktober 13, 2006, daripada [www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com)

Bernamea (2006). *Kejadian Mat Rempit Serang Balai Polis Melampau, Kata Musa Hassan*. Dirujuk pada Oktober 13, 2006, daripada <http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news.php?id=225233>

Berita Harian (2006). *Pelajar Polimas Di Tahan*. (8 Januari).

Berita Harian (2006). *Cedera Diri Selepas Jumpa Mayat*. (23 Februari).

Blocher, D. H. ( 2000). *Counseling: A Developmental Approach*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 65-72.

*Celaru Personaliti*. (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://www.pts.com.my>.

Che Mah dan Mariani (2006). *Personaliti Pelajar Pintar Cerdas dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik*. Dirujuk pada Januari 16, 2006, daripada [www.Jdidik.com.my](http://www.Jdidik.com.my)

Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 186-218.

Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 75-89.

Cloninger S. C. (2000). *Theories of Personality: Understanding Persons*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc. 3-17.

Coon, D., (2004). *Introduction to psychology: Gateways to Mind and Behavior*. Edisi Sepuluh. United States of America: Thomson Wadsworth. 509-543.

Darni (2004). *Kaedah Pembelajaran Lukisan Kejuruteraan Berasaskan Simulasi*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Laporan Sarjana Pendidikan Teknikal.

*Disiplin Sekolah Semakin Merosot.Bincangkan*. (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://tuanmat.tripod.com>.

Dzulkifli Abdul Razak, (2000). *Poison Control: Of toxins and violent behaviour*. Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://muetissues.blogspot.com>.

Ee Ah Meng (1998). *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. Edisi Keempat. Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 131-136.

- Ghafani Awang Teh (2006). *Kenakalan Remaja Daripada Perspektif Islam*. Dirujuk pada September 27, 2006, daripada <http://www.bicaramuslim.com>.
- Goodwin C. J. (2005). *Research In Psychology: Methods And Design*. Edisi Keempat. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 114-134.
- Herry Tjahjono (2006). *Masa Indah Kanak-Kanak Sang Pemimpin*. Dirujuk pada September 27, 2006, daripada <http://www.tokohindonesia.com>.
- Hogan T. P. (2003). *Psychological Testing: A Practical Introduction*. Edisi Keempat. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 135-165.
- Howell D.C. (2002). *Statistical Methods For Psychology*. Edisi Kelima. United States of America: Duxbury. 49-56.
- Johnson J. G. et. al (2000). *Adolescent Personality Disorders Associated With Violence and Criminal Behavior During Adolescence and Early Adulthood*. The American Journal of Psychiatry. **157**. 1406-1412.
- Jones J. (2005). *Management skills in Schools*. Great Britain: Paul Chapman Publishing. 43-46.
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Parlimen Ke Sebelas (2005). *Gejala Sosial di Kalangan Para Remaja*. Dirujuk pada Ogos 15, 2006, daripada <http://www.malaysia-today.net>.
- Mohd Ismail (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Dirujuk pada September 27, 2006, daripada <http://www.pts.com.my>.

Morris C. G. dan Maisto A. A. (2002). *Psychology: An Introduction*. Edisi Ketujuh. New Jersey: Prentice Hall. 500-514.

Nasrudin Mohamed (2007). *Punca Salah Laku Remaja*. Dirujuk pada April 16, 2007, daripada [http://utusan.com.my/utusan/archive.asp?v=2000&dt=0712&pub=utusan\\_malaysia&sec=rencana&pg=ot\\_01.htm&arc=hive](http://utusan.com.my/utusan/archive.asp?v=2000&dt=0712&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=ot_01.htm&arc=hive)

Nevid J. S. dan Rathus S. A. (2005). *Psychology and the Challenges of Life*. Edisi Kesembilan. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 410-423.

Nor Adibah Abdul Hamid (2005). *Tahap Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Laporan Sarjana Pendidikan Teknikal.

Novandri Hasan Basri (2007). *Buli Dan Masalah Sosial Pelajar: Satu Penyelesaian*. Dirujuk pada April 16, 2007, daripada <http://www.pemudaumno.org.my/modules.php?name=News&file=article&sid=4268>

Norizan Sharif (2007). *Tingkh laku Antisocial Remaja: Berbohong Catat Peratusan Tertinggi*. Dirujuk pada April 16, 2007, daripada <http://www.mbselangor.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=1290>

Norizan Sharif (2007). *Penjelasan Kontroversi Mengenai Kajian Remaja*. Dirujuk pada April 16, 2007, daripada <http://www.mbselangor.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=1283>

*Personality Disorder*. (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://www.4degreez.com>.

*Personality Disorders* (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://www.nmha.org>.

Plotnik, R. (1999). *Introduction to Psychology*. Edisi Lima. United States of America: Wadsworth Publishing Company. 501-525.

Polis Diraja Malaysia (2006). *Statistiks Jenayah Indeks*. Dirujuk pada Ogos 15, 2006, daripada <http://www.rmp.gov.my>.

Polis Diraja Malaysia (2006). *Statistiks Jenayah Indeks: Januari-Mac 2006*. Dirujuk pada Ogos 15, 2006, daripada <http://www.rmp.gov.my>.

*Preventing Antisocial Behavior*. (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://cecp.air.org>.

Ramussen K., Storsaeter O. dan Levander S. (1999). *Personality Disorders, Psychopathy, and Crime in a Norwegian Prison Population*. *International Journal of Law and Psychiatry*. 22 (1). 91-97.

Salleh Buang (1997). *Dimensi Baharu Masyarakat Malaysia: Makalah Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 203-212.

Santrock, J. W., (1997). *Psychology*. Edisi Lima. United States of America: Brown and Benchmark Publishers. 413-433.

Siccone, F. dan McCarty, H., (2001). *Motivating Your Students: Before You Can Teach Them, You Have to Reach Them..* United States of America: Allyn and Bacon. 17-28.

Smith, E. E., *et. al.*, (2003). *Introduction to Psychology*. Edisi Empat Belas. United States of America: Thomson Wadsworth. 313-333.

*Treatment of Antisocial Personality Disorder*. (n. d.). Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://mentalthelp.net>.



Uma Sekaran (1992). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. Edisi Kedua. United States: John Wiley & Sons, Inc. 118-125.

Walker, H. M., Ramsey, E., dan Gresham, F. M. (2002). *How Early Intervention Can Reduce Defiant Behavior and Win Back Teaching Time*. American Federation of Teachers. Dirujuk pada Mac 18, 2006, daripada <http://www.aft.org/pubs-reports>.

Wan Siti Fatimah (2005). *Pengalaman Pembelajaran Secara Hands-On Di Kalangan Pelajar KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Laporan Sarjana Pendidikan Teknikal.

Westen D. (2002). *Psychology: Brain, Behavior, & Culture*. Edisi Ketiga. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 305-319.

Yusri Abdul Malek (2007). *Mempertikai Kajian Tidak Selesai Masalah*. Dirujuk pada April 16, 2007, daripada [http://www.hmetro.com.my/Current\\_News/HM/Tuesday/Minda/20070306102644/Article/indexs.html](http://www.hmetro.com.my/Current_News/HM/Tuesday/Minda/20070306102644/Article/indexs.html)



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH